

Bil. S 30

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH DOKTOR VETERINAR, 2005

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

MAJLIS VETERINAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

3. Penubuhan Majlis.
4. Kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasa Majlis.
5. Ahli-ahli Majlis.
6. Lantikan setiausaha.
7. Mesyuarat Majlis.
8. Prosedur mesyuarat.
9. Pekerja awam dan imbuhan berupa wang.
10. Kesan kematian dll. ahli.
11. Penyata.
12. Kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan.

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN DOKTOR-DOKTOR VETERINAR

13. Lantikan Pendaftar.
14. Daftar Doktor-Doktor Veterinar.
15. Menjalankan amalan perubatan veterinar.
16. Orang-orang yang layak untuk didaftarkan.
17. Permohonan pendaftaran.
18. Pengeluaran sijil pendaftaran.
19. Keterangan mengenai kelulusan hendaklah diberikan sebelum dicatatkan dalam daftar.
20. Keengganan untuk mendaftarkan.
21. Penggantungan pendaftaran apabila doktor veterinar menjadi pesakit jiwa.
22. Penyiaran daftar dan anggapan.
23. Perubahan dalam daftar.

BAHAGIAN IV

SIJIL MENJALANKAN AMALAN TAHUNAN

24. Sijil Menjalankan Amalan Tahunan.
25. Pembaharuan sijil.
26. Permit sementara untuk menjalankan amalan.
27. Pemberitahuan mengenai perubahan alamat kediaman atau alamat menjalankan amalan.
28. Mempamerkan sijil.
29. Doktor veterinar yang menjalankan amalan perubatan veterinar hendaklah memberi butir-butir mengenai orang-orang yang menjalankan amalan perubatan veterinar di tiap-tiap tempat menjalankan amalan.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

30. Pembatalan sijil.
31. Lantikan, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan pemeriksa.
32. Kesalahan-kesalahan.

BAHAGIAN V

PROSIDING TATATERTIB

33. Bidang kuasa tatatertib Majlis.
34. Hukuman tatatertib.
35. Rayuan terhadap arahan atau perintah Majlis.

BAHAGIAN VI

AM

36. Tata amalan veterinar.
37. Pendaftaran dengan cara penipuan.
38. Kesalahan-kesalahan.
39. Berselindung.
40. Kesalahan bagi doktor veterinar berdaftar yang menyatakan kerjaya dengan palsu.
41. Pengecualian.
42. Pindaan Jadual-Jadual.
43. Hukuman am.
44. Peraturan-peraturan.

JADUAL PERTAMA — **INSTITUSI-INSTITUSI DAN KELULUSAN-KELULUSAN**
JADUAL KEDUA — **BAYARAN**

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH DOKTOR VETERINAR, 2005

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Doktor Veterinar, 2005 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan kenyataan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran dan pengawalseliaan amalan doktor veterinar dan bagi maksud-maksud yang berhubung atau bersampingan dengannya".

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"sijil" bermakna suatu Sijil Menjalankan Amalan Tahunan yang dikeluarkan di bawah ceraian (2) bab 24;

"pengerusi" bermakna pengerusi Majlis;

"Majlis" bermakna Majlis Veterinar Negara Brunei Darussalam yang ditubuhkan di bawah bab 3;

"jabatan" bermakna Jabatan Pertanian;

"ahli" bermakna seorang ahli Majlis;

"Menteri" bermakna Menteri yang diaturkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk bertanggung-jawab bagi perkara-perkara veterinar;

"amalan perubatan veterinar" bermakna —

(a) untuk mendiagnosis, merawat, membetul, menukar, meringankan atau mencegah penyakit haiwan, cenangga, cacat, bencana atau keadaan fizikal atau mental yang lain termasuk menentu, memberi atau menggunakan sebarang dadah, ubat, biologiks, alat, benda atau teknik bius atau benda atau teknik penyembuhan atau diagnosis yang lain, dan penggunaan sebarang prosedur manual atau mekanikal bagi pemanian beradas, bagi menguji sama ada bunting atau tidak, bagi mengubati kemandulan atau kesambangan atau untuk memberi nasihat atau saranan berkenaan dengan sebarang perkara yang disebut dalam perenggan ini atau untuk melakukan sebarang perbuatan lain yang diiktiraf sebagai suatu kewajipan seorang doktor veterinar;

(b) untuk menyatakan, secara langsung atau tidak langsung, kepada orang ramai atau orang persendirian, suatu kebolehan dan kesanggupan untuk melakukan sebarang perbuatan yang diperihalkan dalam perenggan (a); atau

(c) untuk menggunakan sebarang gelaran, perkataan, singkatan atau huruf dengan cara atau dalam hal keadaan yang mungkin menyebabkan mana-mana orang untuk mempercayai bahawa orang yang menggunakan adalah berkelayakan untuk menjalankan amalan perubatan veterinar;

"daftar" bermakna Daftar Doktor-Doktor Veterinar yang disebut dalam ceraian (1) bab 14;

"berdaftar" bermakna didaftarkan dalam daftar di bawah ceraian (3) bab 17;

"Pendaftar" bermakna Pendaftar Doktor-Doktor Veterinar yang dilantik di bawah bab 13;

"perubatan veterinar" termasuk perubatan veterinar per se, pembedahan, ternakan haiwan dan semua cabang atau kepakaran lain perubatan veterinar;

"doktor veterinar" bermakna mana-mana orang yang memegang sebarang kelulusan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

BAHAGIAN II
MAJLIS VETERINAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Penubuhan Majlis.

3. Bagi maksud-maksud Perintah ini, maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu Majlis yang dikenali sebagai Majlis Veterinar Negara Brunei Darussalam.

Kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasa Majlis.

4. Majlis itu hendaklah melaksanakan kewajipan-kewajipan dan menjalankan kuasa-kuasa sebagaimana yang mungkin diperuntukkan di bawah Perintah ini.

Ahli-ahli Majlis.

5. (1) Majlis itu hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut —

- (a) Pengarah jabatan kerana jawatan, yang akan menjadi pengerusi;
- (b) (i) seorang pegawai veterinar kanan jabatan;
- (ii) 3 orang doktor veterinar yang merupakan pegawai-pegawai Kerajaan;
- (iii) 2 orang doktor veterinar yang menjalankan amalan persendirian,

yang akan dilantik oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(2) Tiada sesiapa pun boleh dilantik untuk menjadi seorang ahli melainkan jika orang itu sama ada seorang warganegara Negara Brunei Darussalam atau seseorang yang telah diberikan suatu Permit Mastautin di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Imigresen (Penggal 17).

(3) Tempoh lantikan ahli-ahli yang dilantik di bawah perenggan (b) ceraian (1) adalah 3 tahun tetapi mereka boleh dilantik semula.

(4) Mana-mana ahli yang telah dilantik atas sifatnya di bawah mana-mana perenggan kecil perenggan (b) ceraian (1) boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan surat yang ditujukan kepada Menteri.

(5) Seseorang doktor veterinar tidaklah boleh dilantik untuk menjadi seorang ahli —

(a) jika dia telah disabitkan atas sebarang kesalahan yang melibatkan penipuan, ketidakjujuran atau keburukan akhlak atau atas sebarang kesalahan yang boleh dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak kurang dari 2 tahun; atau

(b) jika dia seorang bankrap yang belum dilepaskan.

(6) Notis lantikan di bawah perenggan (b) ceraian (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(7) Semua perbuatan yang dilakukan oleh Majlis itu adalah, walaupun terdapat sebarang kekosongan dalam Majlis itu atau selepas itu didapati bahawa ada kecacatan dalam lantikan mana-mana orang yang dikatakan sebagai ahlinya, sah seolah-olah kekosongan atau kecacatan tersebut tidak wujud.

Lantikan setiausaha.

6. Pengerusi hendaklah melantik salah seorang ahli sebagai setiausaha Majlis itu, notis mengenai lantikannya hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

Mesyuarat Majlis.

7. (1) Semasa ketiadaan pengerusi dalam mana-mana mesyuarat Majlis itu, ahli-ahli yang hadir hendaklah memilih di kalangan mereka sendiri seseorang untuk menjadi pengerusi bagi mesyuarat tersebut.

(2) Pengerusi dalam sesuatu mesyuarat hendaklah mempunyai undi asal dan juga undi pemutus.

(3) Majlis itu hendaklah bermesyuarat di tempat-tempat dan pada masa sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pengerusi, dengan syarat bahawa hendaklah diadakan sekurang-kurangnya 2 mesyuarat dalam setahun.

(4) Jika tidak kurang dari separuh daripada ahli-ahli mengemukakan kepada pengerusi permintaan bertulis untuk mengadakan suatu mesyuarat Majlis itu, pengerusi hendaklah mengadakan mesyuarat tersebut dalam masa sebulan dari tarikh menerima permintaan tersebut.

(5) Korum bagi sesuatu mesyuarat Majlis itu hendaklah tidak kurang daripada 4 orang ahli, dan suatu keputusan Majlis itu hendaklah dengan kelebihan undi ahli-ahli yang hadir dan mengundi.

Prosedur mesyuarat.

8. Tertakluk kepada sebarang peruntukan Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya, Majlis itu boleh membuat peraturan-peraturan mesyuarat yang mengawalselia prosedurnya pada amnya dan khasnya, berhubung dengan mesyuarat-mesyuarat yang diadakan, notis yang akan diberikan mengenai mesyuarat-mesyuarat tersebut, prosidingnya, penyimpanan minit dan penjagaan, pengemukaan dan pemeriksaan minit tersebut.

Pekerja awam dan imbuhan berupa wang.

9. (1) Semua ahli, semasa menunaikan kewajipan-kewajipan mereka yang sedemikian, hendaklah dianggap sebagai pekerja awam bagi maksud-maksud Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22).

(2) Hendaklah dibayar kepada ahli-ahli yang bukan pegawai Kerajaan bayaran kerana menghadiri mesyuarat Majlis itu dan belanja perjalanan dan elaun sara hidup yang berpatutan kerana menghadirinya dan bagi perjalanan yang dilakukan dalam menunaikan kewajipan-kewajipan mereka di bawah Perintah ini, sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Menteri.

Kesan kematian dll. ahli.

10. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), jika mana-mana ahli mati sebelum habis tempohnya memegang jawatan, bersara atau pun selainnya tidak lagi menjadi ahli kerana sebarang peruntukan Perintah ini, maka Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, hendaklah melantik seseorang bagi menggantikan ahli itu menurut bab 5 bagi tempoh selebihnya dari tempoh jawatan yang sepatutnya dipegang oleh ahli itu jika dia belum mati, bersara atau pun selainnya tidak lagi menjadi ahli.

(2) Setelah kematian, persaraan atau perletakan jawatan seorang ahli kurang dari 3 bulan sebelum tarikh tempohnya memegang jawatan sepatutnya berakhir kerana luput masa, kekosongan itu tidak perlu diisikan bagi tempoh yang selebihnya itu.

(3) Jika seseorang ahli, kerana sebarang peruntukan Perintah ini, tidak lagi layak untuk dilantik, keahliannya hendaklah ditamatkan dengan serta-merta.

Penyata.

11. Majlis itu hendaklah memberikan kepada Menteri semua penyata dan maklumat berkenaan dengan aktiviti-aktivitinya, sebagaimana yang mungkin dikehendaki olehnya.

Kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan.

12. Menteri boleh mengeluarkan arahan am yang tidak bertentangan dengan Perintah ini dan Majlis itu hendaklah melaksanakan arahan tersebut.

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN DOKTOR-DOKTOR VETERINAR

Lantikan Pendaftar.

13. Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, hendaklah melantik seorang Pendaftar Doktor-Doktor Veterinar bagi maksud-maksud Perintah ini.

Daftar Doktor-Doktor Veterinar.

14. (1) Pendaftar hendaklah menyebabkan untuk disimpan suatu daftar doktor-doktor veterinar yang dikenali sebagai Daftar Doktor-Doktor Veterinar yang mengandungi butir-butir sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pendaftar.

(2) Pendaftar hendaklah bertanggungjawab bagi penyelenggaraan dan penyimpanan daftar itu menurut Perintah ini.

(3) Daftar itu hendaklah dianggap sebagai dokumen awam dalam makna Akta Keterangan (Penggal 108).

Menjalankan amalan perubatan veterinar.

15. (1) Tiada sesiapa pun boleh menjalankan amalan perubatan veterinar di Negara Brunei Darussalam melainkan jika dia didaftarkan dan memegang suatu sijil.

(2) Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Orang-orang yang layak untuk didaftarkan.

16. Tertakluk kepada Perintah ini, orang-orang yang berikut adalah layak untuk didaftarkan di bawah Perintah ini —

(a) mana-mana orang yang memegang sebarang kelulusan yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian I Jadual Pertama yang diberikan oleh institusi yang dinyatakan berkenaan dengan kelulusan-kelulusan tersebut dalam ruang kedua Bahagian itu;

(b) mana-mana orang yang memegang sebarang kelulusan yang diberikan oleh mana-mana institusi yang disebut dalam Bahagian II Jadual Pertama.

Permohonan pendaftaran.

17. (1) Mana-mana orang yang layak untuk didaftarkan di bawah Perintah ini boleh memohon kepada Majlis itu untuk pendaftaran.

(2) Tiap-tiap permohonan itu hendaklah dibuat dalam borang dan mengikut cara dan disertakan dengan dokumen-dokumen, gambar-gambar dan butir-butir sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis itu.

(3) Apabila orang itu telah mematuhi kehendaki ceraian-ceraian (1) dan (2) dan telah membuat bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Kedua, Majlis itu hendaklah, tertakluk kepada ceraian (2) bab 18, mengarahkan supaya Pendaftar mendaftarkan pemohon dengan mencatatkan namanya dalam daftar.

Pengeluaran sijil pendaftaran.

18. (1) Jika seseorang telah dapat mendaftarkan namanya dalam daftar menurut ceraian (3) bab 17, Majlis itu hendaklah mengarahkan supaya Pendaftar mengeluarkan kepadanya suatu sijil pendaftaran dalam borang dan tertakluk kepada syarat-syarat, sebagaimana yang mungkin ditentukan olehnya.

(2) Syarat-syarat yang disebut dalam ceraian (1), jika ada, hendaklah dicatatkan dalam sijil pendaftaran itu.

Keterangan mengenai kelulusan hendaklah diberikan sebelum dicatatkan dalam daftar.

19. (1) Tiada kelulusan boleh dicatatkan dalam daftar sama ada pada pendaftaran pertama atau dengan cara tambahan kepada sesuatu kelulusan yang berkaitan dengannya seorang pemohon telah didaftarkan, melainkan jika Majlis itu berpuas hati dengan keterangan yang mungkin dianggapnya patut bahawa orang yang mengaku mempunyai kelulusan tersebut adalah berhak terhadapnya.

(2) Tiap-tiap orang yang didaftarkan di bawah Perintah ini yang memperolehi sebarang kelulusan veterinar lanjutan selain dari kelulusan yang berkaitan dengannya dia telah didaftarkan boleh memohon kepada Majlis itu untuk meminda daftar tersebut setakat mana yang berkaitan dengan kelulusan orang itu, dan atas sebarang permohonan tersebut Majlis itu hendaklah, jika berpuas hati bahawa pemohon berhak terhadap kelulusan lanjutan yang berkaitan dengannya permohonan itu dibuat dan bahawa kelulusan lanjutan itu mempunyi taraf yang mencukupi untuk mewajarkannya dicatatkan dalam daftar, menyebabkan supaya daftar itu dipinda dengan sewajarnya dengan memasukkan di dalamnya butir-butir kelulusan tersebut.

Keengganan untuk mendaftarkan.

20. (1) Majlis itu hendaklah mengarahkan Pendaftar untuk tidak mencatatkan dalam daftar nama mana-mana pemohon yang —

(a) telah disabitkan atas sebarang kesalahan yang melibatkan penipuan, ketidakjujuran atau keburukan akhlak atau atas sebarang kesalahan yang boleh dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak kurang dari 2 tahun; atau

(b) selepas Majlis itu menjalankan siasatan yang sepatutnya, telah didapati oleh Majlis itu bersalah kerana berkelakuan buruk dari apa-apa segi profesion atau pun selainnya tidak mempunyai kelakuan dan nama yang baik.

(2) Tiada arahan boleh diberikan di bawah ceraian (1) melainkan jika Majlis itu telah memberikan kepada pemohon suatu peluang untuk didengar sama ada sendiri atau melalui peguam.

(3) Suatu arahan di bawah ceraian (1) tidak boleh dilaksanakan sehingga tamat tempoh satu bulan dari tarikh arahan itu telah disampaikan kepada pemohon secara bertulis atau, jika suatu rayuan terhadap arahan itu telah dibuat kepada Menteri di bawah bab 35, sehingga rayuan itu telah diputuskan atau ditarik balik.

Pengantungan pendaftaran apabila doktor veterinar menjadi pesakit jiwa.

21. (1) Jika Majlis itu berpuas hati bahawa mana-mana doktor veterinar berdaftar telah dimasukkan ke dalam atau ditahan di dalam sebuah hospital kesihatan jiwa di bawah peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis lain, Majlis itu hendaklah menggantung pendaftarannya dan suatu catatan hendaklah dibuat dengan sewajarnya pada namanya dalam daftar.

(2) Mana-mana doktor veterinar yang pendaftarannya telah digantung menurut ceraian (1) tidaklah berhak untuk didaftarkan lagi melainkan jika dia memuaskan hati Majlis itu bahawa keadaan otaknya mewajarkannya untuk didaftarkan lagi.

Penyiaran daftar dan anggapan.

22. (1) Pendaftar hendaklah menyiaran dalam *Warta Kerajaan*, dengan seberapa segera yang boleh selepas 1 haribulan Januari pada tiap-tiap tahun dan pada masa lain sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu, satu senarai yang mengandungi nama-nama, alamat-alamat, kelulusan-kelulusan, tarikh-tarikh kelulusan dan tarikh-tarikh pendaftaran semua doktor veterinar berdaftar yang telah dikeluarkan sijil-sijil bagi tahun itu.

(2) Dalam sebaran prosiding —

(a) penyiaran satu senarai di bawah ceraian (1) adalah keterangan *prima facie* mengenai butir-butir yang terkandung di dalamnya;

(b) suatu sijil yang ditandatangani oleh Pendaftar tentang butir-butir yang terdapat berkaitan dengan mana-mana orang adalah keterangan *prima facie* mengenai butir-butir tersebut;

(c) ketiadaan nama mana-mana orang dalam satu senarai di bawah ceraian (1) adalah keterangan *prima facie* bahawa suatu sijil tidak pernah dikeluarkan kepada orang itu.

Perubahan dalam daftar.

23. (1) Pendaftar hendaklah memasukkan dalam daftar sebarang perubahan yang mungkin sampai ke pengetahuannya tentang nama, alamat atau butir-butir lain mana-mana doktor veterinar berdaftar.

(2) Jika Majlis itu berpuas hati bahawa mana-mana orang yang namanya terdapat dalam daftar telah mati atau tidak lagi tinggal di Negara Brunei Darussalam, maka Majlis itu boleh mengarahkan supaya Pendaftar mengeluarkan nama orang itu dari daftar.

BAHAGIAN IV

SIJIL MENJALANKAN AMALAN TAHUNAN

Sijil Menjalankan Amalan Tahunan.

24. (1) Permohonan bagi suatu sijil hendaklah dibuat kepada Majlis itu dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan olehnya.

(2) Majlis itu hendaklah, setelah berpuas hati bahawa premis di mana dan keadaan yang di bawahnya pemohon dikatakan menjalankan amalan perubatan veterinar adalah sesuai untuk menjalankan amalan tersebut dan bahawa pemohon telah membuat bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Kedua, mengarahkan supaya Pendaftar mengeluarkan suatu Sijil Menjalankan Amalan Tahunan yang membenarkan pemohon untuk menjalankan amalan perubatan veterinar di premis tersebut, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis itu.

(3) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, sijil itu hendaklah berkuatkuasa mulai dari tarikh sijil itu dikeluarkan hingga akhir tahun.

Pembaharuan sijil.

25. (1) Tiap-tiap doktor veterinar berdaftar yang ingin membaharui sijilnya bagi tahun yang berikutnya hendaklah, sebelum 30 haribulan November pada tahun sebelumnya, membuat suatu permohonan dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis itu.

(2) Setelah berpuas hati dengan permohonan tersebut dan setelah bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dibuat, Majlis itu hendaklah mengarahkan supaya Pendaftar mengeluarkan kepada pemohon suatu sijil baru bagi tahun yang berikutnya, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis itu.

(3) Seseorang yang gagal membuat suatu permohonan menurut ceraian (1) tetapi kemudian berbuat demikian dan membuat bayaran yang ditetapkan yang disebut dalam ceraian itu dan bayaran tambahan, jika ada, sebagaimana yang mungkin ditetapkan dalam Jadual Kedua adalah berhak untuk dikeluarkan dengan suatu sijil baru menurut ceraian (2).

Permit sementara untuk menjalankan amalan.

26. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun yang bertentangan dalam Perintah ini, Majlis itu boleh, dengan kebenaran Menteri, atas permohonan secara bertulis, mengeluarkan kepada mana-mana orang yang merupakan seorang doktor veterinar yang didaftarkan di luar Negara Brunei Darussalam, suatu permit sementara untuk menjalankan amalan di Negara Brunei Darussalam sebagai seorang doktor veterinar tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh Majlis itu dalam permit tersebut bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari 6 bulan, dan permit tersebut tidaklah boleh diperbaharui setelah tamat tempohnya.

(2) Pemegang suatu permit sementara untuk menjalankan amalan, sedangkan permit tersebut masih berkuatkuasa tertakluk kepada syarat-syarat di dalamnya, hendaklah dianggap bagi maksud-maksud Perintah ini sebagai seorang doktor veterinar berdaftar.

(3) Majlis itu boleh, dengan kebenaran Menteri, pada bila-bila masa membatalkan sebarang permit sementara untuk menjalankan amalan yang dikeluarkan di bawah ceraian (1) tanpa memberikan sebarang sebab dan permit tersebut hendaklah selepas itu terhenti daripada berkuatkuasa.

Pemberitahuan mengenai perubahan alamat kediaman atau alamat menjalankan amalan.

27. Sijil dan suatu permohonan mengenainya hendaklah menyatakan alamat-alamat kediaman dan semua tempat menjalankan amalan pemohon, dan sebarang perubahan pada sebarang alamat tersebut hendaklah diberitahu oleh doktor veterinar berdaftar kepada Pendaftar dalam masa 14 hari dari tarikh perubahan

tersebut dan suatu catatan mengenai perubahan tersebut hendaklah dibuat oleh Pendaftar dalam masa 14 hari dari tarikh menerima pemberitahuan tersebut.

Mempamerkan sijil.

28. (1) Tiap-tiap doktor veterinar berdaftar hendaklah menyebabkan supaya sijil itu dipamerkan di suatu tempat yang mudah dilihat di mana-mana premis di mana dia menjalankan amalan perubatan veterinar, kecuali sebagai seorang pegawai Kerajaan.

(2) Jika doktor veterinar berdaftar itu menjalankan amalan perubatan veterinar di 2 alamat atau lebih, dia hendaklah menyebabkan supaya sijil asalnya dipamerkan menurut ceraian (1) di tempatnya menjalankan amalan yang utama dan satu salinan sijil itu yang diperakui di tiap-tiap tempat menjalankan amalan yang lain, salinan-salinan yang diperakui itu setelah diperolehi olehnya bagi maksud itu daripada Pendaftar atas permohonan secara bertulis kepada Pendaftar dan setelah bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dibuat.

(3) Mana-mana doktor veterinar berdaftar yang melanggar atau gagal mematuhi ceraian-ceraian (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan.

(4) Mana-mana orang yang mempamerkan atau membenarkan untuk dipamerkan di mana-mana premis suatu sijil atau salinannya yang diperakui, yang mengandungi namanya sedangkan namanya tidak terdapat dalam daftar atau sedangkan dia tidak memiliki suatu sijil yang berkuatkuasa, mengikut mana yang berkenaan, adalah melakukan suatu kesalahan.

Doktor veterinar yang menjalankan amalan perubatan veterinar hendaklah memberi butir-butir mengenai orang-orang yang menjalankan amalan perubatan veterinar di tiap-tiap tempat menjalankan amalan.

29. Seseorang doktor veterinar berdaftar yang menjalankan amalan perubatan veterinar hendaklah memberi kepada Pendaftar nama, alamat, kelulusan-kelulusan dan butir-butir mengenai sijil pendaftaran, sijil dan maklumat lain sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Majlis itu berkaitan dengan orang-orang yang menjalankan amalan perubatan veterinar di tempatnya menjalankan amalan, dan jika dia gagal berbuat demikian, dia adalah melakukan suatu kesalahan.

Pembatalan sijil.

30. (1) Majlis itu boleh membatalkan suatu sijil jika didapati sehingga memuaskan hati Majlis itu bahawa seseorang doktor veterinar berdaftar menjalankan amalan perubatan veterinar di premis atau di bawah keadaan yang dianggap oleh Majlis itu tidak sesuai untuk menjalankan amalan tersebut.

(2) Tertakluk kepada ceraian (3), jika suatu sijil telah dibatalkan di bawah ceraian (1), sijil tersebut hendaklah selepas itu terhenti daripada berkuatkuasa.

(3) Jika mana-mana doktor veterinar yang sijilnya telah dibatalkan di bawah ceraian (1) membuat suatu permohonan mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis itu dan membuat bayaran yang disebut dalam ceraian (2) bab 24, Majlis itu boleh mengarahkan supaya suatu sijil dikeluarkan kepada doktor veterinar tersebut.

Lantikan, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan pemeriksa.

31. (1) Menteri boleh melantik sebilangan orang pegawai Kerajaan untuk menjadi pemeriksa sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu bagi maksud-maksud Perintah ini.

(2) Mana-mana pemeriksa boleh, pada bila-bila masa yang munasabah —

- (i) memasuki dan memeriksa mana-mana premis yang digunakan, dicadangkan untuk digunakan atau yang berkaitan dengannya terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa premis tersebut sedang digunakan, bagi menjalankan amalan perubatan veterinar;
- (ii) menyiasat dan melaporkan kepada Majlis itu mengenai keadaan yang di bawahnya amalan perubatan veterinar sedang dijalankan atau dicadangkan hendak dijalankan di premis tersebut.

(3) Seseorang pemeriksa yang bertindak di bawah bab ini hendaklah, semasa memasuki atau memeriksa mana-mana premis, menunjukkan bukti identitinya dan lantikannya.

(4) Laporan yang dibuat oleh seseorang pemeriksa di bawah ceraian (2) hendaklah dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis itu dan adalah menjadi kewajipan pemeriksa itu untuk mengemukakan laporan tersebut kepada Majlis itu tidak lewat dari 14 hari selepas tarikh pemeriksaan.

Kesalahan-kesalahan.

32. Seseorang doktor veterinar berdaftar yang menjalankan amalan perubatan veterinar dan yang —

(a) tidak mempunyai suatu sijil bagi menjalankan amalan tersebut;

(b) menjalankan perkongsian dengan seorang doktor veterinar berdaftar yang tidak mempunyai suatu sijil;

(c) ada bekerja dengannya seorang doktor veterinar berdaftar yang tidak mempunyai suatu sijil; atau

(d) diambil berkerja untuk menjalankan urusan seorang doktor veterinar bagi pihak seseorang yang tidak mempunyai suatu sijil,

adalah melakukan suatu kesalahan, dan dia tidaklah berhak untuk mendapatkan balik apa-apa bayaran, upah, pembelanjaan atau kos yang dilakukan dalam masa bila dia atau mana-mana orang yang disebut dalam perenggan-perenggan (b), (c) dan (d) tidak mempunyai suatu sijil.

BAHAGIAN V
PROSIDING TATATERTIB

Bidang kuasa tatatertib Majlis.

33. (1) Majlis itu hendaklah mempunyai bidang kuasa tatatertib ke atas semua doktor veterinar berdaftar.

(2) Majlis itu boleh menjalankan bidang kuasa tatatertib ke atas mana-mana doktor veterinar berdaftar yang —

(a) telah disabitkan di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain atas sebarang kesalahan yang boleh dihukum penjara;

(b) telah bersalah kerana berkelakuan buruk dari apa-apa segi profesi;

(c) telah memperolehi pendaftaran dengan cara penipuan atau salah nyata;

(d) pada masa pendaftarannya tidak berhak untuk didaftarkan; atau

(e) namanya telah atau pernah dikeluarkan dari mana-mana daftar doktor veterinar yang diselenggarakan di mana-mana tempat di luar Negara Brunei Darussalam.

Hukuman tatatertib.

34. (1) Majlis itu boleh, pada menjalankan bidang kuasa tatatertibnya, mengenakan mana-mana hukuman yang berikut —

(a) memerintahkan supaya nama seseorang doktor veterinar berdaftar dikeluarkan dari daftar;

(b) memerintahkan supaya nama seseorang doktor veterinar berdaftar digantung dari daftar bagi suatu tempoh sebagaimana yang mungkin difikirkan patut olehnya;

(c) memerintahkan supaya doktor veterinar berdaftar itu diberikan amaran; atau

(d) membuat sebarang perintah yang disebut dalam perenggan-perenggan (a), (b) atau (c) tetapi menggantung penguatkuasaannya, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Majlis itu, bagi suatu tempoh yang jumlah keseluruhannya tidak melebihi 2 tahun,

dan boleh dalam sebarang hal, membuat suatu perintah sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis itu berhubung dengan pembayaran kos Pendaftar, doktor veterinar berdaftar itu atau mana-mana pengadu, dan sebarang kos yang diaward boleh didapatkan balik sebagai suatu hutang sivil.

(2) Jika nama mana-mana doktor veterinar berdaftar diperintahkan oleh Majlis itu untuk dikeluarkan atau digantung dari daftar di bawah perenggan-perenggan (a) atau (b) ceraian (1), mengikut mana yang berkenaan, dia hendaklah dalam masa 5 hari dari tarikh perintah tersebut dibuat menyerahkan balik kepada Pendaftar sijilnya termasuk mana-mana sijil yang terbaru yang mungkin telah diperolehnya daripada Pendaftar dan sijil pendaftarannya:

Dengan syarat bahawa jika doktor veterinar itu atau peguamnya tidak hadir di hadapan Majlis itu pada masa perintah tersebut dibuat, Pendaftar hendaklah memberikan notis bertulis kepada doktor veterinar tersebut mengenai perintah yang dibuat oleh Majlis itu dan yang menghendaki bahawa doktor veterinar tersebut hendaklah menyerahkan balik kepadanya sijilnya termasuk mana-mana sijil yang terbaru yang mungkin telah diperolehnya daripada Pendaftar dan sijil pendaftarannya, dalam masa 7 hari dari tarikh notis itu diserahkan di alamat berdaftarnya atau di alamatnya yang terakhir diketahui jika alamat itu berbeza dengan alamat berdaftarnya dan pada pendapat Pendaftar bahawa penyampaian tersebut adalah lebih berkesan.

(3) Jika doktor veterinar berdaftar itu gagal menyerahkan balik sijilnya dan sijil pendaftarannya dalam masa yang diperuntukkan dalam ceraian (2), dia adalah melakukan suatu kesalahan.

(4) Pendaftar hendaklah menyiaran dalam *Warta Kerajaan* nama mana-mana orang yang dikeluarkan atau digantung dari daftar di bawah perenggan-perenggan (a) atau (b) ceraian (1), mengikut mana yang berkenaan, sama ada —

(a) apabila tamat tempoh satu bulan, jika orang itu tidak membuat rayuan terhadap keputusan Majlis itu di bawah bab 35; atau

/b/ sejurus selepas keputusan Menteri di bawah bab 35 mengesahkan keputusan Majlis itu jika orang itu membuat rayuan terhadap keputusan Majlis itu di bawah bab tersebut.

(5) Tiada sesiapa pun yang namanya telah dikeluarkan dari daftar di bawah perenggan /a/ ceraian (1) boleh selepas itu berhak memohon untuk didaftarkan di bawah Perintah ini, tetapi Majlis itu boleh, jika difikirkannya patut dalam sebarang hal untuk berbuat demikian, atas permohonan orang yang berkenaan, memerintahkan supaya nama orang itu dimasukkan semula dalam daftar, dan jika nama seseorang itu telah digantung dari daftar bagi suatu tempoh yang terhad sahaja, orang itu adalah berhak pada tamatnya tempoh tersebut untuk memohon supaya sijil pendaftaran dan sijil itu dikembalikan kepadanya (jika tempoh sijil itu dikeluarkan masih sah).

(6) Suatu permohonan di bawah ceraian (5) hendaklah dibuat dalam borang dan mengikut cara dan disertakan dengan dokumen-dokumen, gambar-gambar dan butir-butir sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis itu dan dengan bayaran yang disebut dalam ceraian (2) bab 24.

Rayuan terhadap arahan atau perintah Majlis.

35. Mana-mana doktor veterinar yang tidak puas hati dengan sebarang arahan yang dibuat berkaitan dengannya oleh Majlis itu di bawah ceraian (1) bab 20, atau dengan sebarang perintah Majlis itu yang dibuat di bawah ceraian (1) bab 30 atau di bawah ceraian (1) bab 34, boleh merayu kepada Menteri, yang keputusannya adalah muktamad.

BAHAGIAN VI

AM

Tata amalan veterinar.

36. (1) Bagi maksud-maksud Perintah ini, mana-mana doktor veterinar berdaftar yang sedang menjalankan amalan yang gagal mematuhi tata amalan veterinar adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Dalam bab ini, "tata amalan veterinar" bermakna garis panduan am berhubung dengan amalan perubatan veterinar haiwan yang diperkenalkan oleh Majlis itu.

Pendaftaran dengan cara penipuan.

37. Tiap-tiap orang yang mendapatkan atau cuba mendapatkan dengan cara penipuan supaya dirinya atau mana-mana orang lain didaftarkan dengan membuat atau mengemukakan sebarang pernyataan atau pengakuan yang tidak

benar atau palsu, sama ada secara lisan atau bertulis, adalah melakukan suatu kesalahan.

Kesalahan-kesalahan.

38. (1) Mana-mana orang yang tidak didaftarkan atau dikecualikan dari pendaftaran —

(a) dengan sengaja dan dengan palsu berpura-pura sebagai didaftarkan atau sebagai berkelayakan untuk menjalankan amalan perubatan veterinar;

(b) dengan sengaja atau dengan palsu memakai atau menggunakan nama atau gelaran "doktor haiwan", "pengamal veterinar", "doktor veterinar", "doktor perubatan veterinar", "sarjana muda sains veterinar" atau "sarjana muda pembedahan veterinar";

(c) dengan sengaja atau dengan palsu memakai atau menggunakan apa-apa nama, gelaran, tambahan atau perihalan yang membayangkan bahawa dia didaftarkan atau bahawa dia diiktiraf di sisi undang-undang sebagai seorang doktor veterinar atau bahawa dia berkelayakan untuk mengubati atau merawat penyakit-penyakit haiwan sama ada dengan perubatan veterinar atau dengan apa jua cara lain dari apa jua jenis atau perihalan pun;

(d) dengan sengaja dan dengan palsu memakai atau menggunakan apa-apa nama, gelaran, tambahan atau perihalan atau menggunakan sebarang alat, yang dikira akan mendorong mana-mana orang untuk mempercayai bahawa dia berkelayakan untuk menjalankan amalan perubatan veterinar;

(e) menjalankan amalan perubatan veterinar;

(f) menggunakan perkataan "klinik veterinar", "dispensari veterinar", "hospital veterinar" atau sebarang perkataan yang sama dengan perkataan itu dalam mana-mana bahasa lain pada mana-mana papan tanda di tempatnya menjalankan amalan yang dikatakan telah menjalankan amalan perubatan veterinar sebagai seorang yang didaftarkan di bawah Perintah ini; atau

(g) menggunakan suatu simbol yang direka bentuk oleh Majlis itu bagi kegunaan doktor-doktor veterinar berdaftar sahaja,

adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1) —

(a) pemakaian atau penggunaan oleh mana-mana orang akan perkataan "doktor haiwan", "pengamal veterinar", "doktor veterinar", "doktor perubatan veterinar", "sarjana muda sains veterinar", "sarjana muda

pembedahan veterinar", "klinik veterinar", "dispensari veterinar", "hospital veterinar" atau sebarang perkataan yang sama dengan perkataan itu dalam mana-mana bahasa lain berkenaan dengan amalan perubatan veterinar hendaklah dianggap, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, sebagai pemakaian atau penggunaan suatu nama, gelaran, tambahan atau perihalan yang dikira akan mendorong mana-mana orang untuk mempercayai bahawa dia adalah berkelayakan untuk menjalankan amalan perubatan veterinar;

(b) penggunaan oleh mana-mana orang dalam amalan perubatan veterinar akan sebarang alat atau bahan yang digunakan khusus oleh orang-orang yang berkelayakan untuk menjalankan amalan perubatan veterinar hendaklah dianggap, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, sebagai penggunaan suatu alat yang dikira akan mendorong mana-mana orang untuk mempercayai bahawa dia adalah berkelayakan untuk menjalankan amalan perubatan veterinar; dan

(c) jika mana-mana orang, selain daripada seorang doktor veterinar berdaftar atau seorang peniaga perkakas-perkakas dan alat-alat veterinar, ada dalam milikannya mana-mana satu atau lebih dari perkakas-perkakas dan alat-alat yang biasanya digunakan dalam amalan perubatan veterinar, dia hendaklah dianggap, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, dengan sengaja dan dengan palsu berpura-pura sebagai didaftarkan dan sebagai berkelayakan untuk menjalankan amalan perubatan veterinar.

Berselindung.

39. (1) Mana-mana doktor veterinar berdaftar yang membenarkan seseorang yang tidak berdaftar untuk menjalankan amalan perubatan veterinar di premis yang digunakan oleh atau di bawah kawalan doktor veterinar berdaftar itu dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan profesionnya adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Mana-mana doktor veterinar berdaftar yang dengan kehadiran, sokongan, nasihat, bantuan atau kerjasamanya dengan mengetahui membolehkan seseorang yang tidak berdaftar, sama ada dinyatakan sebagai seorang pembantu atau pun selainnya, menjalankan amalan perubatan veterinar adalah melakukan suatu kesalahan.

(3) Mana-mana doktor veterinar berdaftar yang menjalankan amalan perubatan veterinar di premis di mana seseorang yang tidak berdaftar menjalankan amalan perubatan veterinar yang diketahui oleh doktor veterinar berdaftar itu adalah melakukan suatu kesalahan.

(4) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh berkuatkuasa untuk menghalang perlaksanaan prosedur, yang termasuk dalam makna menjalankan amalan perubatan veterinar, oleh mana-mana orang dalam perkhidmatan awam yang diambil bekerja bagi maksud itu jika prosedur tersebut dilaksanakan dalam

masa orang itu bekerja dan di bawah penyeliaan seorang doktor veterinar dalam perkhidmatan awam.

Kesalahan bagi doktor veterinar berdaftar yang menyatakan kerjaya dengan palsu.

40. Mana-mana doktor veterinar berdaftar yang dengan sengaja atau dengan palsu berpura-pura sebagai atau memakai atau menggunakan apa-apa nama, gelaran, tambahan atau perihalan yang membayangkan dengan sendirinya atau dalam hal keadaan bagaimana ia digunakan, bahawa doktor veterinar berdaftar itu memiliki atau memegang sebarang kelulusan untuk menjalankan amalan kecuali kelulusan yang sebenarnya dimiliki atau dipegang olehnya adalah melakukan suatu kesalahan.

Pengecualian.

41. Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh berkuatkuasa untuk menghalang —

(a) latihan mana-mana pelajar veterinar dalam amalan perubatan veterinar di bawah penyeliaan seorang doktor veterinar berdaftar di dalam sesebuah hospital veterinar, klinik veterinar atau sekolah veterinar yang diluluskan oleh Menteri bagi maksud tersebut;

(b) pemilik binatang dan pekerja tetap sepenuh masa pemilik itu dari memelihara atau merawat binatang kepunyaan pemilik itu, kecuali jika pemilikan binatang itu telah dipindahmilik bagi maksud untuk mengelakkan Perintah ini;

(c) mana-mana orang yang menjalankan penyelidikan saintifik *bona fide* yang menghendaki dengan munasabah ujikaji yang melibatkan binatang-binatang dari melakukan perbuatan-perbuatan yang sebaliknya adalah dilarang oleh Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya;

(d) seorang pekerja Kerajaan dari melaksanakan kewajipan-kewajipan rasminya;

(e) mana-mana orang dari memberi nasihat berkenaan dengan perbuatan-perbuatan atau melaksanakan perbuatan-perbuatan yang telah ditentukan oleh Majlis itu sebagai amalan pengurusan ternakan yang diterima;

(f) mana-mana orang yang dibenarkan oleh Majlis itu dari melaksanakan pemanian beradas.

Pindaan Jadual-Jadual.

42. Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, boleh dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* meminda Jadual-Jadual kepada Perintah ini.

Hukuman am.

43. (1) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan terhadap Perintah ini boleh jika sabit kesalahan —

(a) berkaitan dengan kesalahan pertama, dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$5,000; dan

(b) berkaitan dengan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) Dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, orang itu boleh dikenakan suatu denda tambahan yang tidak melebihi dari \$500 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan, di samping hukuman yang masing-masing disebut di bawah perenggan-perenggan (a) dan (b) ceraian (1).

Peraturan-peraturan.

44. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan yang perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan dan melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini, termasuk penetapan bayaran dan apa-apa perkara lain yang dikehendaki untuk ditetapkan di bawah Perintah ini, dan bagi perlaksanaannya yang sewajarnya.

(2) Khususnya dan tanpa menjelaskan keluasan makna kuasa-kuasa yang tersebut di atas, peraturan-peraturan tersebut boleh menetapkan —

(a) kewajipan-kewajipan Pendaftar;

(b) bentuk daftar dan cara bagaimana daftar itu hendak disimpan;

(c) bayaran yang hendak dibuat berkaitan dengan permohonan-permohonan dan prosiding di bawah Perintah ini dan peruntukan bagi pengecualian daripadanya sebagaimana yang mungkin dianggap bersesuaian oleh Majlis itu;

(d) bentuk dan cara bagaimana sijil-sijil hendak dikeluarkan;

- (e) bentuk sebarang sijil atau sebarang dokumen lain yang dikehendaki bagi melaksanakan maksud-maksud Perintah ini;
- (f) cara untuk membuktikan kelulusan-kelulusan dalam perubatan veterinar;
- (g) pengauditan akaun-akaunnya;
- (h) kewajipan-kewajipan yang akan dilaksanakan oleh setiausaha;
- (i) pengeluaran sijil-sijil veterinar mengenai sakit atau sihat;
- (j) penerimaan aduan-aduan atau maklumat berhubung dengan sebarang perkara tatatertib yang boleh disiasat oleh Majlis itu dan untuk menentukan sama ada suatu siasatan diadakan oleh Majlis itu atau tidak; dan
- (k) prosedur yang akan diikuti berkenaan dengan —
 - (i) pengemukaan aduan-aduan atau maklumat kepada Majlis itu;
 - (ii) penyiasatan oleh Majlis itu mengenai kes-kes yang berbangkit dari aduan-aduan atau maklumat;
 - (iii) membuat pertuduhan-pertuduhan yang berbangkit dari aduan-aduan atau maklumat;
 - (iv) siasatan tatatertib yang diadakan oleh Majlis itu.

JADUAL PERTAMA

(bab 16)

INSTITUSI-INSTITUSI DAN KELULUSAN-KELULUSAN**BAHAGIAN I**

| Negara | Institusi | Kelulusan |
|----------------|--|--|
| Australia | University of Melbourne | Bachelor of Veterinary Science |
| | University of Queensland | Bachelor of Veterinary Science |
| | University of Sydney | Bachelor of Veterinary Science |
| Canada | Ontario Veterinary College, University of Guelph | Doctor of Veterinary Medicine |
| | Western College of Veterinary Medicine, University of Saskatchewan | Doctor of Veterinary Medicine |
| Indonesia | Institut Pertanian, Bogor | Doktor Haiwan |
| Malaysia | Universiti Pertanian Malaysia | Doctor of Veterinary Medicine |
| | Universiti Putra Malaysia | Doctor of Veterinary Medicine |
| New Zealand | Massey University | Bachelor of Veterinary Science |
| United Kingdom | University of Bristol | Bachelor of Veterinary Science |
| | University of Cambridge | Bachelor of Veterinary Medicine |
| | University of Edinburgh | Bachelor of Veterinary Medicine and Surgery |
| | University of Glasgow | Bachelor of Veterinary Medicine and Surgery |
| | University of Liverpool | Bachelor of Veterinary Science |
| | University of London | Bachelor of Veterinary Medicine |

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JADUAL PERTAMA

(bab 16)

BAHAGIAN II

Mana-mana institusi lain yang memberikan kelulusan Sarjana Muda Sains Veterinar atau Doktor Perubatan Veterinar atau sebarang kelulusan veterinar lain yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai memberi hak kepada pemegangnya untuk menjadi seorang doktor veterinar.

JADUAL KEDUA

(bab-bab 17(3), 24(2),
25(2), 25(3) dan 28(2))

BAYARAN

| | |
|---|---------------------------------|
| Bayaran pendaftaran | \$50 setahun atau sebahagiannya |
| Bayaran pengekalan | \$50 setahun atau sebahagiannya |
| Sijil Menjalankan Amalan Tahunan | \$30 setahun atau sebahagiannya |
| Bayaran tambahan bagi Sijil Menjalankan Amalan Tahunan | \$30 |
| Salinan Sijil Menjalankan Amalan Tahunan yang diperakui | \$10 |

Diperbuat pada hari ini 10 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1426 bersamaan dengan 19 haribulan April, 2005 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**